

Dr. Mahathir bangga kemajuan bidang aeroangkasa tempatan
Utusan Online
29 Mac, 2013

LANGKAWI 28 Mac - Penguasaan bidang aeroangkasa dalam kalangan syarikat tempatan menunjukkan kemajuan ketara hingga sebahagiannya mampu mengeluarkan alat ganti penting untuk pesawat-pesawat terkenal di dunia.

Sambil melahirkan rasa bangga dengan pencapaian itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemajuan itu meningkat begitu tinggi hingga hampir kesemua keperluan untuk komponen tersebut boleh dibuat dalam negara.

Menurut beliau, perkara itu dibuktikan dengan kemampuan syarikat tempatan mengeluarkan bahan alat ganti untuk pesawat-pesawat terkenal di dunia termasuk A340 dan sebagainya yang dibuat daripada bahan titanium.

"Bahan titanium bukan satu bahan yang mudah untuk dibentuk tetapi kita sudah boleh mengeluarkan bahan untuk bahagian jantung enjin yang sangat penting ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara syarikat PWN Excellence Sdn. Bhd. (PWN), dengan Westar Aviation Services Sdn. Bhd. (WAS), dalam Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2013 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini hari ini.

MoU itu ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif WAS, Jeneral (B) Tan Sri Muhammad Ismail Jamaluddin dan Pengarah Urusan PWN, Ahmad Khairul Hafiez yang mewakili syarikat masing-masing.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan Weststar, Tan Sri Syed Ahmad Syed Ibrahim dan Presiden Industri Aeroangkasa dan Pertahanan Nasional (NADI), Tan Sri Ahmad Johan.

Sementara itu, Ahmad Khairul berkata, perjanjian tersebut membolehkan PWN menyediakan latihan tahap D simulator helikopter AW 139 kepada juruterbang WAS.

Beliau berkata, latihan tersebut akan bermula minggu pertama Mei ini di hab industri aeroangkasa di Subang, Selangor bagi tempoh lima tahun.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam Negeri/20130329/dn_14/Dr-Mahathir-bangga-kemajuan-bidang-aeroangkasa-tempatan